



BAJET 2017

**“MENJAMIN PERPADUAN &
PERTUMBUHAN EKONOMI,
MENGHEMAH PERBELANJAAN INKLUSIF,
MENSEJAHTERA KEHIDUPAN
RAKYAT SELURUH”**

PRESTASI EKONOMI 2017

TAHUN	2016	2017
KDNK	4.0% – 4.5%	4.0% – 5.0%
Defisit Fiskal	3.1%	3.0%
Hasil Kerajaan Persekutuan	RM212,595 juta	RM219,726 juta

PERUNTUKAN BAJET 2017: RM262.8 BILION

BELANJA MENGURUS	BELANJA PEMBANGUNAN	SIMPANAN LUAR JANGKA
RM 214.8 bilion	RM 46 bilion	RM 2 bilion

PROJEK RAKYAT CENTRIC

1. Memasang 97,000 lampu jalan & 3,000 lampu LED di 7,500 kampung (**RM100 juta**)
2. Membina & menaik taraf 616 km jalan kampung & jambatan (**RM1.2 bilion**)
3. Menyelenggara jalan negeri di bawah MARRIS (**RM4.6 bilion**)
4. Membina dan membaik pulih 17,000 unit rumah usang & daif & penempatan Orang Asli (**RM350 juta**)
5. Bekalan air bersih kepada 5,200 rumah & menaiktaraf bekalan air FELDA (**RM732 juta**)
6. Pinjaman dan geran untuk meningkatkan kapasiti dan bekalan air (**RM665 juta**)
7. Mewujudkan Tabung Bekalan Air (**RM500 juta**)
8. Bekalan elektrik luar bandar kepada 10,000 rumah (**RM460 juta**)
9. Membaik pulih fasiliti kawasan flat & Program Perumahan Rakyat (PPR) menerusi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (**RM300 juta**)
10. Melaksanakan Projek Mesra Rakyat (**RM800 juta**)
11. Meneruskan 69 projek Rancangan Tebatan Banjir (**RM495 juta**)
12. Membina 2 *Overhead Motorcycle Ramp* di Lebuhraya Persekutuan, Selangor bagi atasi masalah banjir di laluan motosikal & menjamin keselamatan penunggang (**RM29 juta**)

MENINGKATKAN PEMILIKAN RUMAH

13. Membina 5,000 unit *MyBeautiful New Home* menerusi NBOS bagi B40 pada harga RM40,000 – RM50,000 per unit **(RM200 juta)** - Kerajaan membiayai RM20 ribu dan baki dibayar secara ansuran oleh pemilik
14. Membina 9,850 unit baharu & menyiapkan 11,250 unit rumah PPR **(RM710 juta)**
15. Membina 30,000 unit rumah di atas tanah Kerajaan di lokasi strategik pada harga RM150,000 – RM300,000
16. Membina 10,000 unit rumah di bandar untuk disewa oleh golongan muda pada kadar lebih rendah dari kadar pasaran
17. Membina 5,000 unit Rumah Mesra Rakyat SPNB dengan subsidi pada RM20,000 per unit **(RM200 juta)**
18. Skim *step-up end-financing* khas rumah PR1MA, dengan kerjasama Bank Negara, KWSP & bank
19. Pengecualian duti setem bagi surat cara pindah milik & surat cara pinjaman perumahan untuk pembelian rumah pertama dalam tempoh 1 Januari 2017 - 31 Disember 2018

Nilai Rumah (RM)	Pengecualian Duti Setem
< 300,000	100%
300,000 – 500,000	100% kepada RM300,000 pertama, manakala selebihnya pada kadar semasa 2% (<i>ad valorem</i>)

20. Pembangunan infrastruktur Rumah Generasi Kedua:
FELDA **(RM200 juta)**, FELCRA **(RM100 juta)** & RISDA **(RM100 juta)**

MENJANA PENDAPATAN RAKYAT

21. Memperluas Program MySuria bagi 1,600 rumah di seluruh negara **(RM45 juta)**
22. Memperluas Program Mobilepreneur untuk 3,000 peserta **(RM30 juta)**
23. Melaksana Program Agropreneur untuk 3,000 usahawan muda **(RM100 juta)**
24. Menggiatkan Program eUsahawan & eRezeki untuk 300,000 peserta **(RM100 juta)**
25. Menggalak B40 (penerima BR1M) menjana pendapatan sebagai pemandu *ride-sharing* seperti UBER. Bagi yang tiada kenderaan, pendahuluan boleh dibayar menggunakan BR1M & rebat sehingga RM4,000 bagi membeli Proton Iriz

SUBSIDI dan INSENTIF

26. Pesawah padi (**RM1.3 bilion**) termasuk subsidi harga, subsidi benih, subsidi baja
27. Pekebun Kecil Getah:
 - Insentif Pengeluaran Getah (**RM250 juta**)
 - Bantuan Musim Tengkujuh RM200 sebulan untuk 3 bulan kepada 440,000 pekebun kecil/penoreh (**RM260 juta**)
28. Elaun sara hidup nelayan RM200 – RM300 sebulan kepada 57,000 nelayan (**RM250 juta**)
29. Subsidi gas memasak (**RM1.6 bilion**)
30. Subsidi bil elektrik (**RM124 juta**)

BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA

31. Menaikkan kadar BR1M dengan peruntukan RM6.8 bilion & memanfaatkan 7 juta penerima

Kategori	Pendapatan	Bajet 2017
Isi Rumah	e-Kasih	RM1,200 (2016: RM1,050)
	<RM3,000	RM1,200 (2016: RM1,000)
	RM3,001 – RM4,000	RM900 (2016: RM800)
Individu Bujang	RM2,000 ke bawah	RM450 (2016: RM400)

MEMPERKASA PROGRAM TVET

32. Mengubahsuai 9 kampus IPG kepada Politeknik & Kolej Vokasional, termasuk sebuah sebagai pusat latihan tenaga pengajar TVET (**RM400 juta**)
33. Menaiktaraf peralatan pembelajaran di institusi TVET (**RM270 juta**)
34. Dana Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (**RM360 juta**)
35. Melanjutkan potongan cukai 2 kali bagi *Structured Internship Programme* sehingga tahun taksiran 2019 bagi ijazah sarjana muda, diploma & pelajar Tahap 3 dan ke atas di bawah Program TVET
36. Geran padanan kepada institusi TVET yang mendapat sumbangan peralatan daripada industri

TENAGA KERJA

37. Meningkatkan kebolehpasaran graduan – meluaskan Program SL1M untuk 20,000 graduan (**RM50 juta**)
38. Penubuhan *Malaysian Bureau of Labour Statistics*

PELEPASAN CUKAI GAYA HIDUP

39. Pelepasan cukai pendapatan sehingga RM2,500 setiap tahun mulai tahun taksiran 2017 (digabungkan sebagai pelepasan cukai gaya hidup) bagi pembelian:
 - Bahan bacaan, komputer, peralatan sukan, surat khabar bercetak, *smartphone* & *tablet*, langganan internet & bayaran keahlian gimnasium

MENERUSKAN STRATEGI LAUTAN BIRU NASIONAL (NBOS)

40. Membina 4 Urban Transformation Centre (UTC) – Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang & Selangor
41. Membina 3 Rural Transformation Centre (RTC) – Selangor, Sabah & Sarawak
42. Menyediakan *Job Centre* di setiap UTC bagi *job matching*
43. Menambah 4 bas Mobile CTC untuk kawasan pedalaman
44. Melaksanakan inisiatif NBOS: Bahasa Inggeris 1Malaysia, *Coding* di sekolah, *Volunteering for International Professional, Global Entrepreneurship Community 2*

MENGUKUHKAN KEMAMPANAN FISKAL

45. Menubuhkan *Collection Intelligence Arrangement* - meningkatkan kecekapan kutipan hasil & pematuhan cukai
46. Menaikkan kadar duti setem kepada 4% bagi surat cara pindah milik hartanah melebihi RM1 juta mulai 1 Januari 2018

PEMBANGUNAN SUKAN

47. Penganjuran Sukan SEA ke-29 & Sukan Para ASEAN ke-9 (**RM450 juta**)
48. Pembinaan Akademi Bola Sepak Fasa II di Gambang, Pahang (**RM50 juta**)
49. Bina & naiktaraf Kompleks Belia & Sukan Negeri, Kompleks Futsal 1Malaysia & Kompleks Sukan Komuniti (**RM 122 juta**)
50. Program Pembangunan Podium Sukan Elit (**RM70 juta**)
51. Program Penyediaan Atlet & Program Penyediaan Atlet Paralimpik (**RM54 juta**)

MENINGKATKAN TAHAP KESIHATAN

52. Membina & naik taraf hospital & Klinik Kesihatan
53. Menaik taraf kemudahan hospital termasuk peralatan rawatan kardiologi & pembelian 100 ambulan (**RM536 juta**)
54. Membiayai operasi 340 Klinik 1Malaysia, 11 Klinik Bergerak 1Malaysia, 959 Klinik Kesihatan & lebih 1,800 Klinik Desa (**RM4.5 bilion**)
55. Bekalan ubat, *consumables*, vaksin dan reagen (**RM4 bilion**)
56. Mengurangkan kesesakan hospital awam menerusi kerjasama swasta & NGO: menyediakan pinjaman mudah bagi pembelian peralatan bagi *non-profit charitable* hospital (**RM20 juta**)
57. Bantuan perubatan kepada 10 ribu pesakit kurang berkemampuan (**RM70 juta**)
58. Geran *one-off* RM200 ribu bagi membeli peralatan di pusat hemodialisis swasta baharu (**RM40 juta**)
59. Inisiatif pencegahan kawalan denggi & Zika serta meluaskan program Komuniti Sihat Perkasa Negara (**RM80 juta**)

MENINGKATKAN PENGELUARAN MAKANAN DENGAN HARGA KOMPETITIF

60. Membangunkan infrastruktur pertanian, saliran & pengairan, jalan ladang & pemasaran produk pertanian

61. Melaksana program berimpak tinggi: estet padi, zon bersepadu akuakultur & ternakan ikan sangkar
62. Melaksanakan Program Pengedaran Barang Perlu, membuka 4 MyFarmOutlet & menambah baik 150 Agrobazaar Rakyat 1Malaysia (**RM140 juta**)
63. Menggalakkan industri tenusu, madu kelulut & kelapa
64. Mengurangkan import makanan haiwan ternakan – tanaman jagung bijirin

INSENTIF PEMANDU TEKSI

65. Menyediakan geran RM5,000 bagi membeli kenderaan baharu & menawarkan permit teksi individu, memanfaatkan 12,000 pemandu teksi (**RM60 juta**)
66. Memperkenalkan Skim PERKESO untuk pemandu teksi individu berpendapatan <RM3,000 sebulan dengan geran pelancaran **RM60 juta**

MERANGSANG PELABURAN SWASTA

67. Menaiktaraf & membina infrastruktur: Jalan Lok Kawi – Pengalat – Papar, di Sabah; Jalan Kampung Keruak – Gua Musang – Kuala Berang; Jambatan Batang Lumar, Sri Aman; Projek Pembangunan Semula Stesen Janakuasa Sandakan
68. Pembangunan infrastruktur & sosio ekonomi di 5 koridor ekonomi (**RM2.1 billion**)
69. Dana Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia untuk sektor tumpuan (**RM522 juta**)

MEMPERGIAT PASARAN MODAL

70. Memperkenal *Small & Mid-Cap PLC Research Scheme* bagi penyelidikan ke atas 300 syarikat
71. Dana khas sehingga RM3 bilion daripada Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan kepada syarikat berpotensi
72. Menubuhkan Institut Penyelidikan Pasaran Modal dengan pembiayaan **RM75 juta** melalui *Capital Market Development Fund*
73. Melanjutkan insentif percukaian kepada entiti Perbankan Islam dan Takaful yang menjalankan aktiviti matawang asing menerusi *International Currency Business Unit* ke tahun taksiran 2020:
 - Pengecualian cukai pendapatan
 - Pengecualian duti setem ke atas surat cara
74. Meningkatkan insentif Skim Persaraan Swasta (PRS) kepada RM1,000 secara *one-off* kepada pencarum PRS (**RM165 juta**)

MEMPERTINGKAT EKSPORT

75. Tabung Promosi Eksport Negara untuk program galakan eksport PKS oleh MATRADE, MIDA dan SME Corp (**RM130 juta**)
76. EXIM Bank menyediakan pembiayaan RM200 juta & kemudahan kredit insurans dengan nilai perlindungan sehingga RM1 bilion kepada PKS
77. Meningkatkan pengeluaran komoditi eksport sawit, getah, koko dan lada (**RM286 juta**)
78. Meningkatkan kualiti produk sawit, tanaman semula sawit & naik taraf jalan ladang (**RM100 juta**)

MERANCAK SEKTOR PELANCONGAN

79. Meningkatkan promosi dan menambahbaik kemudahan pelancongan (**RM400 juta**):
 - Inisiatif *clean air* dan *ecotourism*
 - Kempen Tahun Melawat ASEAN@50 sempena ulang tahun Asean ke-50 & tuan rumah Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN 2017

80. Melanjutkan tempoh permohonan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan hotel bertaraf 4 dan 5 bintang baharu sehingga 31 Disember 2018
81. Menaikkan potongan cukai kepada RM700 ribu kepada sektor swasta yang menaja pertunjukan kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan dan luar negara
82. Meluaskan eVisa ke negara di rantau Balkan dan Asia Selatan

EKONOMI DIGITAL

83. MDEC melaksana program digital seperti ekosistem e-dagang & *Digital Maker Movement* (**RM162 juta**)
84. Pengenalan kategori lokasi baharu Hab Digital Malaysia bagi menikmati faedah *MSC Bill of Guarantees* termasuk galakan cukai serta memperkenalkan *Digital Free Zone*
85. Perkhidmatan jalur lebar talian tetap yang lebih kompetitif (kelajuan lebih tinggi pada harga yang sama)
86. Peningkatan kelajuan jalur lebar ethernet universiti awam kepada maksimum 100 Gbps
87. Meluas liputan dan kualiti jalur lebar sehingga 20 Mbps di seluruh negara (**RM1 bilion**)

KEUSAHAWANAN

88. Tahun 2017 diisytihar sebagai *Startup & SME Promotion Year*
89. Melaksanakan program di bawah Pelan Induk PKS (**RM75 juta**)
90. Melanjutkan tempoh kesemua skim jaminan di bawah Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) sehingga tahun 2025
91. Memberi 2% rebat kadar faedah kepada peminjam PKS berorientasi eksport di bawah skim SJPP (terhad kepada jumlah pembiayaan terkumpul RM1 bilion)
92. Dana Skim Jaminan Modal Kerja untuk *startups* (**RM200 juta**)
93. Memperkenal kategori pas baru Usahawan Teknologi Asing Berpengetahuan Tinggi untuk menggalak pelaburan *startups* berteknologi tinggi
94. Merencanakan industri kreatif & perfileman (**RM80 juta**)
 - *Film in Malaysia Incentive, Arts and Culture Revitalisation Agenda, Hab Content Creation* FINAS di Sarawak & Sabah, Jawatankuasa Pengamal Seni
95. Menubuhkan *Centre for the Advancement of Social Innovation and Entrepreneurship* (CASIE) di bawah *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre* (MAGIC) sebagai agensi yang diakreditasi untuk keusahawanan sosial di Asia

PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK & PRA SEKOLAH

96. Meneruskan Bantuan Makanan Tambahan & Geran Per Kapita program TABIKA & TASKA (**RM140juta**)
97. Menambahbaik pakej pemakanan bernutrisi harian : susu 250 ml, kismis dan telur, memanfaatkan 280,000 kanak-kanak (**RM60 juta**)
98. Meningkatkan akses kepada pendidikan pra-sekolah secara percuma di sekolah Kerajaan memanfaatkan 200,000 kanak-kanak (**RM132 juta**)

PENDIDIKAN RENDAH DAN MENENGAH

99. Membangunkan semula 120 sekolah daif (30 Sabah & 30 Sarawak) menggunakan *Industrialised Building System* & menaiktaraf 1,800 makmal sains (**RM570 juta**)
100. Menyiapkan 227 sekolah, termasuk 8 sekolah baharu (**RM478 juta**)
101. Memperkukuh program penguasaan Bahasa Inggeris *Cambridge English, Dual Language & Highly Immersive* (**RM90 juta ringgit**)
102. Pemberian *tablet* bantuan mengajar kepada 430,000 guru oleh SKMM (**RM340 juta**)
103. Pemberian Bantuan Persekolahan RM100 ringgit kepada setiap pelajar dari keluarga berpendapatan < RM3,000, memanfaatkan 3.5 juta murid (**RM350 juta**)
104. Menyediakan Bantuan Makanan Asrama kepada 365,000 murid (**RM1.1 bilion**)
105. Meneruskan Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia sekolah rendah (**RM300 juta**)
106. Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan, Buku Teks & Geran Per Kapita (**RM1.1 bilion**)
107. Menyediakan geran sepadan bagi simpanan terkumpul sehingga RM50 dalam akaun SSPN-i kepada pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan
108. Menyediakan Elaun Murid Berkeperluan Khas RM150 sebulan kepada 67,000 murid & mengganti bas @ coaster bagi 21 sekolah berpendidikan khas (**RM107 juta**)
109. Menyedia Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyenggaraan Sekolah untuk senggaraan Sekolah Kebangsaan, SJK(C), SJK(T), Sekolah Mubaligh, Sekolah Asrama Penuh, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Pondok yang berdaftar dan MRSM (**RM600 juta**)

MEMPERKASA PENDIDIKAN TINGGI

110. Peruntukan kepada 20 universiti awam (**RM7.4 billion**), antaranya:
- 4 hospital universiti (**RM1.4 billion**)
 - Memperkasa lima universiti penyelidikan (**RM300 juta**)
 - Dana penyelidikan kepada IPT (**RM100 juta**)
111. Menggantikan baucar buku dengan kad debit pelajar dengan nilai RM250 bagi pembelian buku, alat tulis, alatan komputer & akses internet memanfaatkan 1.3 juta pelajar (**RM300 juta**)
112. Meneruskan pemberian biasiswa (**RM 4.3 billion**), melalui JPA (RM1.6 bilion), MARA (RM2 bilion), KPT (RM250 juta), KKM (RM208 juta), KPM (RM194 juta), KSM (RM28 juta), KBS (RM21 juta).
113. Diskaun bagi menggalakkan peminjam PTPTN membuat bayaran balik bermula dari 22 Oktober 2016 sehingga Disember 2017:
- 15% atas baki hutang bagi penyelesaian penuh
 - 10% untuk bayaran sekurang-kurangnya 50% daripada baki hutang dalam sekali bayaran
 - 10% untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau *direct debit* mengikut jadual bayaran balik

JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL

114. Bantuan kepada keluarga miskin memanfaatkan 69,000 keluarga:
- Bantuan Am sehingga RM300/bulan; dan
 - Bantuan Kanak-kanak sehingga RM450/bulan
115. Bantuan sosio-ekonomi warga emas RM300/bulan memanfaatkan 120,000 warga emas
116. Menubuhkan 8 buah Pusat Aktiviti Warga Emas baharu
117. Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU): elaun pekerja; bantuan latihan kanak-kanak OKU; bantuan OKU tidak berupaya bekerja memanfaatkan 150,000 OKU (**RM535 juta**)
118. Pelepasan GST kepada OKU berdaftar bagi pembelian peralatan bantuan tanpa melalui Entiti Kebajikan Swasta serta peluasan skop pelepasan
119. Menaikkan elaun ketua kampung, pengerusi JKKK dan JKKKP, termasuk ketua di Kampung-Kampung Baru & Orang Asli kepada RM900

PENGANGKUTAN AWAM

120. Pelaksanaan projek rel baharu *East Coast Rail Line* (600km) menghubungkan Lembah Klang ke Pantai Timur (**anggaran kos: RM55 bilion**)
121. Menggiat pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak
122. Membaik pulih Landasan kereta api Pantai Timur jajaran Gua Musang – Tumpat (**RM100 juta**)
123. Menambah kekerapan perkhidmatan ETS – perolehan 19 set tren (**RM1.1 bilion**)
124. Membiayai sebahagian kos operasi bas henti-henti yang menghubungkan bandar utama dan pekan-pekan (**RM100 juta**)

KEBAJIKAN ORANG ASLI & PERIBUMI SABAH DAN SARAWAK

125. Melaksana projek bekalan air terawat di 42 perkampungan Orang Asli, program pembangunan ekonomi dan keusahawanan, Penempatan Semula Perkampungan antaranya di Sungai Ruil, Cameron Highlands (**RM222 juta**)
126. Pemetaan tanah di Sabah (**RM20 juta**) & Sarawak (**RM30 juta**) menerusi projek *Native Customary Rights*

KOMUNITI CINA DAN INDIA

127. Pembangunan Kampung Baru Cina (**RM50 juta**)
128. Pinjaman kepada komuniti Cina melalui:
 - KOJADI (**RM50 juta**)
 - *Malaysian Chinese Women Entrepreneurs Foundation* (**RM20 juta**)
 - Yayasan Penjaja & Peniaga Kecil 1Malaysia (**RM20 juta**)
129. Program peningkatan kapasiti dan pendapatan masyarakat India (**RM50 juta**)
130. Program pembiayaan perniagaan SPUMI melalui TEKUN (**RM50 juta**)
131. Program pembiayaan usahawan India (**RM100 juta**)
132. Program pra-sekolah SJK Tamil melibatkan 50 sekolah (**RM10 juta**)

PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA

- 133. Meningkatkan peluang & kapasiti perniagaan Bumiputera melalui SME Bank (**RM100 juta**)
- 134. Melaksanakan program keusahawanan di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (**RM100 juta**)
- 135. Membantu usahawan kecil TEKUN, termasuk skim baharu TEMANITA (**RM300 juta**)
- 136. Program Pembiayaan Keusahawanan & Premis Perniagaan PUNB (**RM200 juta**)
- 137. Program keusahawanan MARA seperti industri halal, usahawan belia & latihan (**RM120 juta**)
- 138. Dana mudahcara TERAJU (**RM500 juta**)
- 139. Tabung Eksport di bawah TERAJU (**RM100 juta**)
- 140. Program Peneraju Skil dan Itizam, Peneraju Profesional & Peneraju Tunas melalui Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (**RM100 juta**)

CUKAI KORPORAT

- 141. Pengurangan kadar cukai antara 1 hingga 4 mata peratusan kepada syarikat yang meningkatkan pendapatan bercukai secara ketara untuk Tahun Taksiran 2017 dan 2018
- 142. Pengurangan kadar cukai daripada 19% kepada 18% bagi PKS pendapatan bercukai sehingga RM500 ribu pertama
- 143. Pelanjutan potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan operasi yang ditanggung oleh syarikat induk sehingga 31 Disember 2020 bagi merancak program pembangunan vendor

KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

- 144. Bayaran Insentif Khas Insurgensi kepada veteran ATM (**RM55 juta**)
- 145. Penyelenggaraan aset-aset utama seperti pesawat, kapal peronda, peralatan komunikasi, bangunan dan senjata (**RM1.8 bilion**)
- 146. Peningkatan telekomunikasi, rangsum dan perolehan pakaian seragam (**RM1.3 bilion**)

- 147. Penugasan anggota di sempadan Timur Sabah bagi meningkatkan operasi ESSZONE **(RM323 juta)**
- 148. Mewujud *Sea Basing* di perairan pantai Sabah & Pangkalan Operasi Hadapan Helikopter
- 149. Menaiktaraf jalan pedalaman Sarawak di bawah Program Jiwa Murni ATM **(RM114 juta)**
- 150. Meluaskan Feri Sekolah Angkatan Tentera bagi 15,000 anak anggota ATM **(RM15 juta)**
- 151. Peruntukan kepada Polis Diraja Malaysia, antaranya membina 12 ibu pejabat polis daerah, pusat latihan Komando 69 & perolehan kenderaan **(RM8.7 bilion)**
- 152. Program pencegahan jenayah bandar – *omnipresence* & Unit Rondaan Motosikal **(RM60 juta)**
- 153. Membekalkan pakaian seragam kepada 200,000 anggota RELA **(RM80 juta)**
- 154. Geran Persatuan Penduduk kepada persatuan yang berdaftar sehingga RM10 ribu bagi membiayai peralatan kawalan keselamatan, pembersihan dan penyelenggaraan kawasan kejiranan **(RM40 juta)**

PEMBANGUNAN WANITA DAN KESEJAHTERAAN KELUARGA

- 155. Pelaksanaan program mengarusperdanakan peranan wanita dalam pembangunan negara, antaranya I-KIT, I-KeuNita, program *Women Career Comeback* **(RM2 bilion)**
- 156. Pemeriksaan mamogram dan suntikan imunisasi HPV secara percuma **(RM30 juta)**
- 157. Pelepasan cukai sehingga RM1,000 bagi pembelian peralatan penyusuan ibu mulai tahun taksiran 2017 & dituntut setiap 2 tahun
- 158. Pelepasan cukai sehingga RM1,000 bagi ibu bapa yang menghantar anak berumur 6 tahun dan ke bawah ke pusat asuhan kanak-kanak dan pra-sekolah berdaftar mulai tahun taksiran 2017

MEMARTABAT SYIAR ISLAM

- 159. Menaikkan elaun Imam di bawah JAKIM kepada RM850 memanfaatkan 15,000 imam
- 160. Pemberian bantuan *one-off* RM500 kepada 16,000 bilal dan siak
- 161. Menaikkan elaun guru KAFA kepada RM900 memanfaatkan 33,000 guru
- 162. Menyelaraskan pendidikan tahfiz melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara **(RM30 juta)**

PEMBANGUNAN PRASEKOLAH DAN PROGRAM PERMATA

- 163. Menaikkan elaun pembantu KEMAS kepada RM500 memanfaatkan 11,000 pembantu KEMAS
- 164. Menubuhkan Pusat Kecemerlangan *Top STEM Talents* di Akademi Sains Malaysia
- 165. Mengubahsuai IPG Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan dan Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang kepada Pusat Permata Pintar dan Berbakat

PINDAAN AKTA KEBANKRAPAN 1967

- 166. Memudah dan membolehkan orang bankrap kembali aktif di dalam perniagaan dengan meminda Akta Kebankrapan bagi penjamin sosial, mereka yang menghidap penyakit kronik dan telah berumur

MENGHARGAI PENJAWAT AWAM

- 167. Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Biasiswa dipanjangkan kepada kumpulan pelaksana
- 168. Cuti kuarantin 5 hari tanpa rekod kepada penjawat awam yang anaknya sakit dan perlu dikuarantin
- 169. Meluaskan kemudahan pembiayaan komputer meliputi *smartphones* dengan had pinjaman RM5,000 setiap 3 tahun
- 170. Menaikkan had kemudahan pembiayaan motosikal kepada RM10,000
- 171. Menaikkan had kelayakan pinjaman perumahan penjawat awam kepada RM200,000 hingga RM750,000
- 172. Menyiapkan 30,000 unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia & dijual pada harga RM90,000 – RM300,000
- 173. Melanjutkan perkhidmatan pegawai *contract of service* dan *contract for service* selama setahun
- 174. Mewujudkan gred 56 bagi pegawai perubatan pakar & pegawai pergigian pakar
- 175. Melantik secara kontrak graduan perubatan, pergigian & farmasi selewat-lewatnya pada Disember 2016
- 176. Bayaran khas RM500 kepada semua penjawat awam & RM250 kepada pesara Kerajaan



www.treasury.gov.my